

14/05/1999

Pelarasan gaji lima badan berkanun siap

Wan Hazmir Bakar

PETALING JAYA, Khamis - Laporan mengenai tuntutan pelarasan gaji kira-kira 10,500 kakitangan lima badan berkanun yang diasingkan sudah siap dan akan dibincangkan Kabinet untuk keputusan tidak lama lagi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab menyediakan laporan itu kini hanya menunggu maklum balas akhir Perbendaharaan.

Lim berkata, beliau sentiasa menghubungi Ketua Pengarah JPA, Datuk Samsudin Osman, untuk memastikan laporan itu disiapkan segera.

"Saya sudah menyemak dengan JPA dan difahamkan mereka sedang membuat persiapan akhir," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian bersama di antara Guinness Anchor Bhd (GAB) dan Kesatuan Sekerja Industri Minuman di sini, hari ini.

Mac lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, mengemukakan laporan itu apabila perkara berkenaan dibangkitkan Lim berikutan permintaan pemimpin kesatuan badan berkanun terbabit.

Lima badan berkenaan ialah Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Bank Simpanan Nasional, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Mereka mendakwa menerima gaji lebih rendah berbanding pekerja sektor awam lain sejak diasingkan daripada Skim Saraan Baru (SSB) mulai 1 Januari 1995 dan mengutuskan memorandum kepada Perdana Menteri pada Disember 1997.

Dr Mahathir, bagaimanapun, meminta kakitangan lima badan berkanun terbabit bersabar kerana kerajaan terpaksa menangguhkan kelulusan tuntutan penyelarasan gaji mereka berikutan kegawatan ekonomi.

Bulan lalu, Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan (MBKSAYD) memutuskan untuk berpiket selama enam hari bermula 7 Jun depan jika kerajaan masih gagal meluluskan tuntutan pelarasan gaji mereka.

Presidennya, Mohd Noor Abdullah, berkata, tindakan kerja menurut peraturan (work to rule) selama 15 hari bermula 13 Jun depan juga akan dilaksanakan jika kerajaan masih gagal meluluskan tuntutan selepas tindakan piket itu.

Katanya, kedua-dua tindakan itu akan diadakan serentak di seluruh negara oleh semua ahli kesatuan sekerja kelima-lima badan berkanun terbabit.

Sebelum itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta Perbendaharaan meluluskan tuntutan pelarasan gaji itu yang tertangguh sejak empat tahun lalu. Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata soal kemampuan kewangan kerajaan dalam melaksanakan pelarasan itu tidak timbul kerana ia tidak membabitkan wang kerajaan, sebaliknya menggunakan sumber dana agensi berkenaan.

(END)